

01 JUL 2002

Malaysia-Singapura/I

MALAYSIA-SINGAPURA BINCANG ISU TERTANGGUH DI MESYUARAT MENTERI

PUTRAJAYA, 1 Julai (Bernama) -- Malaysia dan Singapura hari ini memulakan satu mesyuarat peringkat Menteri dalam usaha mencapai penyelesaian secara persahabatan terhadap pelbagai isu antara kedua-dua negara.

Mesyuarat dua hari itu yang berlangsung di Wisma Putra, di sini, akan mencari penyelesaian bagi satu pakej isu-isu tertangguh selaras dengan persefahaman yang dicapai antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong semasa Sidang Kemuncak Asean di Hanoi pada Disember 1998.

Isu-isu itu membabitkan bekalan air ke Singapura, tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad di republik itu, penempatan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin Malaysia di negara itu, pengeluaran caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) dan penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dalam kata-kata pembukaannya berharap mesyuarat itu akan menguntungkan kedua-dua pihak berdasarkan saling kepercayaan, keikhlasan dan komitmen.

"Kita perlu kreatif, jangan menyukarkan lagi isu-isu rumit tetapi buat sumbangan ke arah menyelesaikannya.

"Kita perlu konstruktif dan jangan suntik elemen-elemen yang boleh menggugat proses penyelesaian," katanya.

Syed Hamid berkata, keputusan memuaskan daripada usaha kedua-dua pihak akan membawa impak positif terhadap hubungan Malaysia dan Singapura demi manfaat generasi masa kini dan masa depan.

"Malaysia dan Singapura adalah jiran terdekat. Oleh itu kita perlu belajar untuk hidup bersama.

"Terdapat banyak yang dipertaruhkan. Konflik dan konfrontasi tidak akan membawa kita ke mana-mana," kata Syed Hamid

Sementara itu Menteri Luar Singapura Prof S. Jayakumar dalam kata-kata pembukaannya berharap mesyuarat itu akan membolehkan kedua-dua kerajaan untuk mengenal pasti bidang-bidang yang mereka mencapai persetujuan dan berusaha ke arah mencapai persetujuan keseluruhan mengenai pakej atau perakuan oleh Perdana Menteri kedua-dua negara.

"Selepas segala usaha kita, dalam perbincangan ini dan di masa depan, jika perbezaan pendapat yang ketara terus wujud, kita perlu merujuk mereka kepada kedua-dua Perdana Menteri supaya mereka boleh membantu menunjukkan arah," kata beliau.

Jayakumar berkata lebih tiga tahun telah berlalu sejak kedua-dua Perdana Menteri bertemu di Hanoi dan walaupun pegawai di kedua-dua pihak telah bertemu tiga kali dan Menteri Kanan Lee Kuan Yew juga telah datang ke Kuala Lumpur dua kali untuk menemui Dr Mahathir, tiada banyak kemajuan mengenai isu-isu itu.

"Baru-baru ini Dr Mahathir menghantar surat kepada Menteri Kanan Singapura pada 4 Mac, 2002 dan Goh membalas surat itu 11 April, 2002.

"Saya percaya langkah terbaru surat menyurat ini telah mewujudkan rangkakerja asas bagi rundingan kita sekarang ini," katanya.

Jayakumar berkata, adalah penting bagi kedua-dua pihak tidak lupa akan masa depan yang lebih besar untuk menampung kepentingan kedua-dua pihak dan mencapai kata sepakat walaupun Malaysia dan Singapura mmpengaruhi kepentingan masing-masing.

"Kita harus anggap persetujuan terhadap pakej isu-isu ini sebagai

langkah ke depan dalam menyelesaikannya dan menstabilkan hubungan bagi jangka panjang.

Antara isu tertangguh itu yang dikatakan paling rumit ialah isu bekalan air ke republik itu.

Apabila Lee bertemu Dr Mahathir September lepas, beliau mengumumkan bahawa Singapura akan membayar 45 sen bagi setiap 4,540 liter air mentah sehingga 2061, dan 60 sen bagi setiap 4,540 liter selepas tahun itu, dan akan di kaji semula pada setiap lima tahun.

Di bawah persetujuan 1961, Singapura boleh menerima hingga 88 juta galen air sehari (mgd) daripada kawasan tadahan air di Pulau dan Tebrau serta sungai Skudai di Johor sehingga 31 Ogos, 2011.

Perjanjian 1962 membenarkan Singapura untuk menerima 50 mgd lagi dari Sungai Johor sehingga 28 Sept, 2061.

-- BERNAMA

AFY RZS AHH PR